

Program Kemahiran Insaniah Tingkat Kendiri Pelajar

Oleh : Nursyuhaida Binti Abdullaah



SABTU, 23 MAC – Program Kemahiran Insaniah yang telah dilancarkan di Dewan Pascasiswazah oleh Dr Balan Krishnan bagi pelajar yang mendapat keputusan 2.3 ke bawah.

Program kemahiran ini dijalankan dengan kerjasama di antara Kolej Kediaman E (JAKMAS) dan Sekretariat Kemasyarakatan dibawah Hal Ehwal Pelajar (UMS) ingin melahirkan pelajar yang lebih berani dan dapat mengendalikan kendali diri dengan baik.

Program ini dianjurkan untuk melatih pelajar yang kurang berkeyakinan serta memberi peluang menonjolkan diri depan khalayak dengan lebih baik.

Antara acara yang diadakan termasuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang memberi peluang kepada pelajar yang terlibat untuk menghilangkan Slot pertama diisi dengan beberapa permainan. Antaranya

ialah emosi di mana pelajar perlu melakukan mimik muka dengan emosi yang telah ditetapkan.

Selain itu, program seterusnya yang dijalankan ialah tarian merebut kerusi dan bina bangunan negara di mana ia hanya menggunakan tiga bahan sahaja iaitu tali ropia, spaghetti dan marshmallow. Ia merupakan salah satu acara yang dapat merapatkan hubungan di antara pelajar-pelajar yang terlibat dalam program ini.

Pada majlis penutupan bengkel ini, telah hadir Dr Balan serta Mohd Juhar Harun merupakan wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Acara akhir yang diadakan sebelum berakhir majlis tersebut ialah pemberian cenderahati kepada tetamu dan peserta juga turut mendapat pemberian cenderahati kepada tetamu dan peserta.